

04 APR 2001

Wawasan-Reaksi

BADAN BEBAS DICADANG PANTAU PELAKSANAAN DASAR WAWASAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Seorang anggota Panel Penasihat Perpaduan Kebangsaan Datuk Lee Lam Thye hari ini menggesa penubuhan sebuah badan bebas bagi memantau pelaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN).

Dasar yang bertujuan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi 7.5 peratus dan menggandakan pendapatan per kapita menjelang 2010 itu dilancar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di Dewan Rakyat semalam.

Ia juga bertujuan membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam ekonomi.

Lee berkata pembentukan badan pemantauan itu adalah penting bagi memastikan DWN dilaksanakan dengan adil dan licin dalam mencapai matlamatnya.

"Apa yang lebih penting adalah memastikan tidak berlaku penyelewengan matlamat DWN yang bakal membawa Malaysia mencapai status negara maju," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata badan itu perlu dianggotai tokoh-tokoh yang mewakili semua kaum dan latar belakang dan disokong oleh Unit Perancang Ekonomi apabila membuat pemantauan.

Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam sementara itu berkata penubuhan badan bebas itu akan dapat memastikan pelaksanaan yang berkualiti serta mengesan sebarang kelemahan.

"Kita bangga dengan RRJP3, ia satu polisi yang bagus dan baik untuk rakyat tetapi satu badan perlu memantau agar pelaksanaannya berjalan segera," katanya kepada Bernama.

Siva berkata sering dilihat bagaimana dasar kerajaan yang baik dan bermanfaat kepada rakyat terkandas di peringkat pelaksanaan.

Beliau mencadangkan supaya anggota masyarakat yang mewakili semua lapisan masyarakat dipilih menganggotai badan itu.

Presiden Fomca Prof Hamdan Adnan pula berkata penubuhan badan seperti itu yang ditadbir secara telus sangat wajar bagi menyaksikan kejayaan pelaksanaan dasar berkenaan.

"(Badan bebas itu) yang diwakili anggota yang sanggup menyuarakan pendapat walaupun bercanggah dengan kerajaan, adalah penting bagi kebaikan dasar berkenaan, malah sebuah badan bebas bayangan juga patut diadakan," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah merancang barbagai dasar bagi mengatasi masalah kemiskinan tetapi ia masih belum mencapai kejayaan yang memuaskan.

"Polisi seperti Mapen I dan II berkaitan program membasmi kemiskinan, atas kertas ia nampak cantik namun masih berlaku masalah kemiskinan," katanya.

Adalah lebih menjimatkan jika sesuatu polisi itu dipastikan pelaksanaannya daripada mengadakan pelbagai polisi yang gagal mencapai matlamat, kata Hamdan.

"Badan itu boleh memantau usaha kerajaan dan aktiviti yang dijalankan serta memberi maklum-balas bagi tujuan membaiki sebarang kelemahan," katanya.

-- BERNAMA  
ZAI AHH MOZ